

05/05/2001

Malaysia, Thailand atasi masalah persempadanan

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia-Thailand hari ini setuju menyelesaikan segera masalah persempadanan kedua-dua negara selain membanteras masalah bersama di sempadan iaitu kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendatang haram.

Persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Thailand ke-41, dipengerusikan bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tan Sri Jeneral Chavalit Yongchaiyudh, yang juga Menteri Pertahanan, di ibu negara.

Ketika ini, kedua-dua negara belum mencapai kata sepakat dari segi persempadanan di kawasan seluas 42.5 hektar di Bukit Jeli (Kelantan), manakala penandaan sempadan secara fizikal di sepanjang Sungai Golok akan dilaksanakan.

Mesyuarat hari ini setuju supaya masalah sempadan di kawasan berkenaan diselesaikan sebelum persidangan GBC ke-42 yang akan diadakan di Thailand, tahun depan.

Selain itu, mesyuarat setuju untuk bertukar-tukar maklumat risikan berhubung kegiatan kumpulan pengganas di sempadan bersama.

Bercakap pada sidang akhbar bersama selepas mesyuarat itu, Najib yakin masalah itu dapat diselesaikan kerana isu berkenaan sudah dibincangkan dalam pertemuan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Selain itu, katanya, Chavalit berjanji meneliti sendiri isu berkenaan bagi memastikan ia dapat diselesaikan.

"Kita akan menggunakan kaedah penyelesaian yang fleksibel atas prinsip tidak ada keuntungan atau kerugian kepada kedua-dua negara," katanya.

Najib berkata, apabila isu persempadanan itu dapat diselesaikan, masalah yang dialami penduduk kedua-dua negara khususnya mereka yang menjalankan urusan harian di kawasan sempadan, dapat diatasi.

"Saya percaya dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Thailand, Insya-Allah perkara itu dapat diselesaikan. Dengan ini kita harap akan mengelak timbul permasalahan rakyat kedua-dua negara kerana mereka tahu sempadan," katanya.

Sejak tahun lalu hingga April lalu, sebanyak 5,165 kes penyeludupan dikesan di sempadan kedua-dua negara, membabitkan pelbagai jenis barangan bernilai kira-kira RM9.9 juta. Dalam tempoh itu juga, seramai 8,304 pendatang ditahan.

Najib berkata, kini penyeludupan adalah masalah utama yang dihadapi pihak berkuasa kedua-dua negara.

Sehubungan itu, katanya, agensi berkaitan akan mempertingkatkan kawalan dan rondaan bagi membendung kegiatan berkenaan.

"Kami yakin mampu mengurangkan kegiatan itu sekiranya tidak dapat menghapuskannya," katanya sambil menambah, pembinaan lebih banyak tembok di sempadan wajar dipertimbangkan pada masa depan.

(END)